

Headline	PROGRAM MANISNYA MENJADI GADIS PERLU DIPERLUASKAN		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	19 Jul 2012	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	260 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 591
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,773



# PROGRAM MANISNYA MENJADI GADIS PERLU DIPERLUASKAN

**MANISNYA Menjadi Gadis** - Nama program ini sudah cukup manis maka matlamat sudah pasti manis dan hasilnya juga diharapkan lebih manis. Penghargaan harus diberikan kepada pencetus ilham bagi menganjurkan program ini, Javartnam Baby, kerana keprihatinannya kepada golongan gadis remaja di negara ini, demi menyelamatkan mereka daripada terjerumus ke kancah yang tidak diinginkan.

Secara kasar, program ini memfokus kepada usaha membendung peningkatan kes HIV di kalangan remaja perempuan yang dilihat semakin membimbangkan sekarang ini. Statistik HIV tahun 2010 di Malaysia menunjukkan jumlah 94,414 dan lima peratus daripadanya melibatkan wanita dan remaja perempuan.

Yakin bahawa usahanya diperlukan untuk membantu membendung peningkatan kes HIV di kalangan gadis remaja, Javartnam yang merupakan seorang kakitangan awam menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mahukan kakitangan awam lebih proaktif di dalam menangani masalah sosial di kalangan remaja hari ini.

Langkah Javartnam ini perlu dicontohi dan programnya ini perlu diperluaskan lagi ke seluruh negara kerana ramai gadis remaja kita memang perlukan bimbingan di dalam hidup mereka. Bukan menidakkan tunjuk ajar dan bimbingan ibu bapa tetapi ada ketikanya, ibu bapa terlepas pandang atau tidak mampu menangani masalah ini sendiri-

an, justeru masyarakat perlu tampil untuk sama-sama membimbing gadis remaja ini.

Dengan pengaruh sosial yang semakin meningkat dari setiap penjuru, gadis remaja sekarang memang terdedah kepada banyak perangkap sosial yang boleh menjerumuskan kepada ke kancah tidak sihat. Pengaruh rakan sebaya, pengaruh internet, pengaruh budaya barat dan sebagainya lagi merupakan ancaman yang boleh mempengaruhi gadis-gadis remaja pada bila-bila masa, lebih-lebih lagi jika 'pertahanan diri' tidak kukuh.

Lebih malang bila gadis-gadis ini mempertaruhkan masa depan dengan terlibat di dalam seks bebas yang kemudian menimbulkan masalah sosial lain seperti pembuangan anak, pembunuhan bayi dan sebagainya lagi. Tidak mustahil juga mereka akan menjadi mangsa HIV dan seterusnya AIDS, penyakit pembunuh yang sehingga kini belum ada penawarnya.

Justeru bimbingan perlu diberikan dari awal mengikut peringkat usia agar gadis-gadis ini lebih menghargai zaman gadis mereka dan tidak mempersia-siakannya dengan kegiatan tidak sihat. Zaman gadis adalah zaman terindah dalam hidup seseorang wanita kerana ketika ini kehidupan seperti berada di puncak tetapi kelalaian boleh menjadikan ia pintu masuk ke zaman kegelapan atau neraka dunia. Tanpa panduan, gadis-gadis boleh 'mabuk' dengan nikmat dunia yang mereka kecapai ketika ini sehingga keluar dari landasan yang betul.

Bukan sedikit gadis yang terpedaya dan

bukan sedikit yang sudah menjadi mangsa. Lihat sahaja di pusat-pusat pemulihan, ramai gadis yang terpaksa melangkah ke sana selepas terpedaya oleh kehidupan zaman gadis mereka. Bukan sedikit yang melahirkan penyesalan dan bukan sedikit yang mengaku tidak menerima bimbingan sewajarnya bagaimana untuk menempuh zaman gadis mereka.

Oleh itu program Manisnya Menjadi Gadis ini dilihat sebagai salah satu lagi program yang sesuai untuk membimbing gadis-gadis remaja agar menghargai kehidupan masing-masing. Kalau boleh, program ini perlu diperluaskan ke seluruh sekolah menengah di negara ini kerana sasaran utama kita adalah gadis-gadis remaja, sama ada yang masih di bangku persekolahan ataupun yang bakal dan sudah meninggalkan alam persekolahan.

Sebagaimana kata Javartnam, gadis-gadis perlu dibimbing untuk meningkatkan tahap keyakinan diri dan motivasi diri di dalam menempuh kehidupan. Mereka perlu diberi kesedaran mengenai perangkap kehidupan seperti HIV melalui aspek bimbingan dan agama.

Wawasan Pengarajng

Utusan Sarawak